



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA JUARA DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI KE-29 TAHUN 2023

Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar, telah merasmikan Pertandingan Akhir Debat Alam Sekitar Antara Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) ke-29 anjuran Jabatan Alam Sekitar yang telah berlangsung di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) selaku tuan rumah pertandingan tahun ini.

Universiti Sains Malaysia telah dinobatkan sebagai johan pertandingan menewaskan Universiti Kebangsaan Malaysia dalam Pertandingan Akhir. Pertandingan yang telah bermula sejak 19 Ogos 2023 telah menyaksikan keterlibatan 30 pasukan daripada 29 buah IPT.

Jabatan Alam Sekitar komited dalam memperkasakan program seumpama ini yang dapat memupuk semangat, komitmen dan perubahan positif terhadap kesedaran berhubung alam sekitar dalam kalangan generasi muda. Mengikut rekod pelbagai program telah dilaksanakan yang melibatkan Rakan Alam Sekitar (RAS) dan ianya semakin dipergiatkan selepas berakhir pandemik covid-19. JAS sehingga **Ogos 2023** melalui aktiviti RAS telah berjaya melaksanakan kira-kira **200 program**. Pelaksanaan ini melibatkan kerjasama erat yang merujuk kepada **5 kluster utama** iaitu **komuniti, Industri, Agensi, IPT dan sekolah**. Program RAS juga telah berjaya meningkatkan sebanyak **20%** pertambahan keahlian dalam tempoh **5 tahun** dan sehingga 26 Ogos 2023 pertambahan ahli adalah berjumlah **35,455** orang daripada keseluruhan ahli berdaftar iaitu seramai **177,273 orang ahli** sehingga kini.

Turut hadir ke pertandingan akhir ialah YBhg. Profesor Ir. Ts. Dr. Ruzairi bin Abdul Rahim, Naib Canselor, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan YBhg. Prof. Sr. Ts. Dr. Hj. Lokman Hakim bin Hj. Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), merangkap pengurus Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM).

Pertandingan debat alam sekitar yang hampir menginjak usia jubli Mutiara ini dijayakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR

Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia

27 Ogos 2023

LAMPIRAN I

PASUKAN BAGI PERTANDINGAN AKHIR DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI KE-29 TAHUN 2023

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA- JOHAN HADIAH RM8000.00 BERSERTA PIALA PUSINGAN PERTANDINGAN DAN PIALA IRINGAN

- i. Abdullah bin Nudin
- ii. Nursyazana binti Haron
- iii. Muhammad Hafizi bin Mohd Hanafi
- iv. Mohamad Firdaus bin Kasah Hamid @ Kasmidy

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA- NAIB JOHAN HADIAH RM5000.00 BERSERTA PIALA IRINGAN

- i. Muhammad Iman bin Azhar
- ii. Hafiz Hafizi bin Norependi
- iii. Zal Hasmi bin Mohamad Roslan
- iv. Sharifah Umairah binti Syed Mustaffa

PENDEBAT TERBAIK AKHIR: UNIVERSITI SAINS MALAYSIA HADIAH RM1500.00 BESERTA PIALA

- i. Muhamad Hafizi bin Mohd Hanafi

PENDEBAT TERBAIK LIGA: UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA HADIAH RM1000.00 BESERTA PIALA

- i. Nursyahirah Balqis Binti Shahrulnizam

LAMPIRAN II

SENARAI IPT YANG MENYERTAI PERTANDINGAN DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA IPT KE-29 TAHUN 2023

| BIL | NAMA IPTA/IPTS |
|------------|-------------------------------------------------------|
| 1 | Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) |
| 2 | Universiti Multimedia (MMU) |
| 3 | Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) |
| 4 | Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM) |
| 5 | Universiti Kuala Lumpur (UniKL) |
| 6 | Universiti Teknologi Mara (UiTM) |
| 7 | Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) |
| 8 | Universiti Utara Malaysia (UUM) |
| 9 | Universiti Malaysia Terengganu (UMT) |
| 10 | Universiti Teknologi Petronas (UTP) |
| 11 | Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) |
| 12 | Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) |
| 13 | Universiti Sains Malaysia (USM) |
| 14 | Universiti Malaysia Kelantan (UMK) |
| 15 | Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) |
| 16 | Universiti Malaya (UM) |
| 17 | Universiti Putra Malaysia (UPM) |
| 18 | Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) |
| 19 | Universiti Malaysia Sabah (UMS) |
| 20 | Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) |
| 21 | Universiti Selangor (UNISEL) |
| 22 | Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) |
| 23 | Universiti Malaysia Perlis (Unimap) |
| 24 | IPG Kampus Kent Tuaran, Sabah |
| 25 | IPG Kampus Pendidikan Teknik, Negeri Sembilan |
| 26 | IPG Kampus Temenggong Ibrahim, Johor |
| 27 | IPG Kampus Tun Abdul Razak, Sarawak |
| 28 | IPG Kampus Dato' Razali Ismail, Terengganu |
| 29 | IPG Malaysia (IPGM) |